



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA MENYINAR DALAM INDEKS INOVASI GLOBAL 2024

PUTRAJAYA, 26 September 2024 – Malaysia telah mencapai kedudukan tertinggi sejak tahun 2016 dengan menduduki tangga ke-33 daripada 133 negara dengan skor keseluruhan 40.5 dalam Laporan Indeks Inovasi Global (GII) 2024. Ini menandakan peningkatan ketara setelah tiga tahun berturut-turut menduduki tangga ke-36, menunjukkan **komitmen berterusan** Malaysia untuk terus menambah baik ekosistem inovasi negara dan seterusnya bagi meningkatkan daya saing negara di peringkat global.

Malaysia **kekalkan menduduki tangga kedua negara paling berinovatif** selepas China dari kalangan 36 *upper-middle income countries* berdasarkan Laporan GII 2024. Bagi negara ASEAN pula, Malaysia kekal berada di tempat kedua selepas Singapura.

Malaysia turut berjaya mengekalkan kedudukan pertama bagi tiga (3) sub-indikator iaitu *Graduates In Science And Engineering*, *High-Tech Exports* dan *Creative Goods Exports*.

Ekosistem inovasi Malaysia turut diperkukuhkan dengan **Kuala Lumpur menduduki tangga ke-93 dalam Senarai 100 Terbaik Kluster Sains dan Teknologi** yang turut dilaporkan dalam Laporan GII 2024. Kemasukan Kuala Lumpur dalam Senarai 100 Terbaik Kluster Sains dan Teknologi buat kali pertama sejak tahun 2016 merupakan bukti peranan Malaysia yang semakin berkembang sebagai hab inovasi dan kemajuan teknologi di rantau Asia Tenggara.

Peningkatan prestasi Malaysia dalam GII dan kemasukan Kuala Lumpur dalam Senarai 100 Terbaik Kluster Sains dan Teknologi adalah bukti komitmen Kerajaan amnya dan MOSTI khasnya untuk memperkukuhkan ekonomi negara berasaskan kepada inovasi. Malaysia akan terus mempertingkatkan usaha untuk melabur dalam modal insan dan infrastruktur teknologi bagi memastikan negara kekal kompetitif di peringkat global.

Bagi memastikan Malaysia mencapai kedudukan 30 negara teratas dalam GII menjelang tahun 2025, MOSTI dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri sedang membangunkan **Malaysia Innovation Index** yang akan dilancarkan pada tahun 2025. Inisiatif ini bertujuan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan ekosistem inovasi di setiap negeri, sekaligus membolehkan pelaksanaan intervensi yang bersesuaian ke arah memperkukuhkan ekosistem inovasi negara.

Inisiatif ini adalah selaras dengan iltizam Kerangka Dasar Malaysia Madani untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang berdaya cipta dan menjadi negara pengeluar teknologi menjelang tahun 2030.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

26 SEPTEMBER 2024

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat MOSTI:

Emily Clarice Joannes
Pegawai Penerangan
(016-998 1505)

Khairoul Hussen
Pegawai Penerangan
(012-848 4682)